

Firma dagang British masih boleh cuba dapat kontrak

KUALA LUMPUR, Isnin — Firma-firma perdagangan British yang mempunyai kepentingan di Malaysia masih boleh mencuba memenangi kontrak kerajaan walaupun arahan 'memperketat' penglibatan firma-firma British di sini dikuatkuasakan.

"Perlu diingat, arahan yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini tidak berhasrat menyekat sama sekali peluang firma-firma British dari menawarkan tender untuk memenangi kontrak kerajaan," jelas Timbalan Menteri Pertahanan, Encik Abang Abu Bakar Datuk Bandar.

Belliau berkata demikian selepas mengbantar pulang Setiausaha Negara bagi Pertahanan British, Encik John Nott di Lapangan Terbang Kuala Lumpur di Subang petang ini.

Di bawah peraturan baru yang diumumkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu, semua kementerian dan jabatan serta badan-badan berkanun dikehendaki merujukkan lawaran tender firma-firma British kepada Jabatan Perdana Menteri bagi penentuan terakhir.

Kejayaan

Mereka juga diarah menghantar bersama tender firma pilihan kedua yang bukan firma British.

Langkah tersebut dikatakan diambil sebagai membalas tindakan Majlis Industri Sekuriti British yang meminda peraturan pembelian saham United Kingdom berikutan kejayaan Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengambilalih Syarikat Guthrie baru-baru ini.

Abang Abu Bakar berkata, beliau dan Encik John Nott selain dari membincangkan kerjasama pertahanan seperti masalah latihan dan Perjanjian Pertahanan Lima Negara juga menyentuh penjualan alat kelengkapan British kepada Malaysia.

Belliau bagaimanapun, tidak menjelaskan kemungkinan Malaysia mendapatkan bekalan alat kelengkapan bersenjataanya dari Britain.

Mengenai Perjanjian Pertahanan Lima Negara, Timbalan Menteri Pertahanan itu memberitahu, persetujuan telahpun dicapai untuk mengadakan lebih banyak latihan bersama di masa depan.

"Kita akan mengadakan latihan tentera laut bersama di Laut Cina Selatan, Jun depan, latihan bersama tentera darat di Australia Julai depan dan latihan-latihan lain di Singapura dan New Zealand selepas itu," ujarnya lagi.

Encik John Nott yang telahpun menemui Datuk Seri Dr. Mahathir untuk membincangkan masalah dua hala terutama yang menyentuh keadaan keselamatan rantau ini semalam, dalam sidang akhbarinya sebelum pulang menegaskan, negaranya tidak berniat untuk melakukan sebarang diskriminasi ke atas mana-mana negara terutamanya Malaysia sewaktu meminda peraturan membeli saham di pasaran terbuka negaranya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia